

31 – Zakat untuk menjinakkan hati

- إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِهِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ (At Taubah: 60)
 - Harus memberi zakat kepada orang muallaf untuk menjinakkan hatinya.
 - *Al muallafati quluubuhum* ada tiga jenis. 1 – Orang yang memeluk Islam tetapi masih belum teguh Islamnya. 2 – Ketua atau pembesar kaum, untuk menarik minat mereka dan pengikut mereka. 3 – Untuk membantu memerangi orang kafir dan orang yang tidak mengeluarkan zakat.

Soalan

- Ini adalah sejenis bentuk menghalalkan penipuan dengan menggunakan harta.
- Islam menghalalkan rasuah supaya orang menganut agamanya.
- Islam mengharuskan mengupah orang untuk membunuh orang yang dibenci.

Jawapan

- ✓ Zakat diberi kepada mereka untuk melembutkan dan menetapkan mereka didalam Islam.
- ✓ Harta boleh mengubah pendirian seseorang dan Islam tidak menafikan pengaruhnya kepada jiwa seseorang.
- ✓ Keberadaan mereka didalam Islam lebih utama berbanding apa yang diberikan.
- ✓ ‘Mengupah’ orang membunuh orang Kafir dan mereka yang tidak mengeluarkan zakat, diharuskan demi kepentingan dan untuk menjaga agama Islam.

32 – Berkенаан ayat-ayat jihad

- يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ حَرِّضِ الْمُؤْمِنِينَ عَلَى الْقِتَالِ (Al Anfaal: 65)
- انفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ (At Taubah: 41)
- Didalam Al Quran terdapat banyak ayat-ayat berkenaan jihad dan ganjarannya.

Soalan

- Bagaimana umat Islam boleh memaksa manusia memeluk agamanya dengan kekerasan?
- Mereka yang keluar membunuh itu pula dijanjikan dengan pelbagai balasan seperti ghanimah dan jizyah di dunia, syurga dan bidadari di akhirat.

Jawapan

- ✓ Yahudi dan Kristian berusaha menghapuskan roh jihad didalam jiwa orang Islam, pada masa yang sama mereka menjarah dan merampas negara-negara umat Islam dan menyediakan tentera dan senjata untuk memerangi orang Islam.
- ✓ ﴿وَلَا يَزَالُونَ يُقَاتِلُونَكُمْ حَتَّىٰ يَرُدُّوكُمْ عَنِ الدِّينِ إِنَّ اسْتَطَاعُوا﴾ (Al Baqarah: 217)
- ✓ Selagi orang Kafir tidak berhenti memusuhi umat Islam, maka kita tidak boleh berhenti mempersiapkan diri untuk berjihad.

33 – Berkenaan halal harta ghanimah

- فَكُلُوا مِمَّا غَنَمْتُمْ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَّحِيمٌ (Al Anfaal: 69)
- Ghanimah ialah harta yang diambil oleh tentera Islam daripada musuh yang dikalahkan. Ghanimah termasuklah harta, senjata, kenderaan dan lain-lain barang berharga.
- Cara-cara pembahagian harta ghanimah diterangkan melalui firmanNya وَاعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُمْ مِّنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ هُوَ الْحُسْنَاءُ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ (Al Anfaal: 41)

Soalan

- Bagaimana Allah boleh memerintahkan supaya manusia dibunuh dan membenarkan harta mereka dirampas?

Jawapan

- ✓ Umat-umat terdahulu seperti Yahudi dan Kristian tidak dibenarkan mengambil harta ghanimah.
- ✓ Kini mereka memerangi umat Islam dan merampas harta dan tanah mereka.
- ✓ Kalau mereka memperlakukan kita dengan begitu kejam sekali, apakah kita akan mengembalikan harta benda dan senjata mereka setelah menewaskan mereka?

34 – Allah bersumpah dengan makhluk ciptaanNya

- (Al Fajr: 1) وَلِيَالٍ عَشْرٍ (2) وَالشَّفَعٍ وَالْوَتْرٍ (3) وَاللَّيْلِ إِذَا يَسْرِ (4) هَلْ فِي ذَلِكَ قَسْمٌ لِذِي حِجْرٍ
1-5)
- (At Tin: 1-3) وَهَذَا الْبَلْدِ الْأَمِينِ (1) وَطُورِ سِينِينَ (2) وَالثِّينِ وَالزَّيْتُونِ (1)
- (Al Dhuha: 1-3) مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَى (1) وَالضُّحَى (2) إِذَا سَجَى (1) وَاللَّيْلِ
- Banyak ayat Al Quran menunjukkan Allah bersumpah dengan makhlukNya. Ia sudah semacam satu gaya bahasa Al Quran.

Soalan

- Bagaimana Tuan punya Al Quran boleh bersumpah dengan semua benda ini?
- Kenapa Dia perlu bersumpah untuk menguatkan kata-katanya?
- Kalau Dia tidak bersumpah, mungkin pembaca dan pendengar tidak akan mempercayai kata-katanya.

Jawapan

- ✓ Allah tidak memerlukan semua itu untuk menguatkan kata-katanya. Kata-katanya juga tetap benar walaupun tiada sesiapa yang membentarkanNya, *وَمَنْ أَصْدَقُ مِنَ اللَّهِ حَدِيثًا* (An Nisaa': 87).
- ✓ Allah bersumpah dengan sebahagian makhlukNya supaya kita memberi perhatian kepada apa yang digunakanNya untuk bersumpah itu.
- ✓ Semua benda yang digunakanNya untuk bersumpah itu menunjukkan keagungan, keesaan, kekuatan, rahmat dan ni'matNya agar kita mensyukuriNya.

35 – Islam menggalakkan balas dendam?

- (Al) الشَّهْرُ الْحُرَامُ بِالشَّهْرِ الْحُرَامِ وَالْحُرْمَاتُ قِصَاصٌ فَمَنِ اعْتَدَوْا عَلَيْكُمْ فَاعْتَدُوا عَلَيْهِمْ بِمِثْلِ مَا اعْتَدَى عَلَيْكُمْ
Baqarah: 194)
- Orang Muslim yang dianiaya diharuskan untuk membala setimpal dengan penganiayaan yang telah dilakukan terhadapnya.

Soalan

- Ayat ini adalah punca berlakunya balas dendam dan permusuhan yang tidak berkesudahan.
- Balas dendam dan kekerasan bukanlah penyelesaian kepada penganiayaan.

Jawapan

- ✓ Tidak semua kezaliman dan penganiayaan itu dapat dimaafkan oleh mereka yang dianiaya.
- ✓ Orang Kafir sendiri pun tidak semuanya memaafkan perbuatan orang Islam yang dianggap kejam oleh mereka.
- ✓ Umat Islam ada panduannya dalam membala. Ia sudah tentu tidak sama dengan perbuatan balas dendam yang dilakukan oleh orang-orang Kafir.

✓ (Fussilat: 34) ادْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاؤُهُ كَانَهُ وَلِيٌّ حَمِيمٌ

فَلَهُ عَذَابٌ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلَى الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنْثَى بِالْأُنْثَى فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ
✓ (Al Baqarah: 178) أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتِبَاعُ بِالْمَعْرُوفِ وَأَدَاءُ إِلَيْهِ بِإِحْسَانٍ ذَلِكَ تَحْفِيفٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ فَمَنْ اعْتَدَى بَعْدَ ذَلِكَ أَلِيمٌ